

Negara Islam perlu pulih imej tercemar

Oleh NIZAM YATIM

UM 12 OCT 2001

KUALA LUMPUR -11 Okt. — Negara-negara Islam diminta bekerjasama bagi memulihkan imejnya yang tercemar berikutan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat (AS) pada 11 September lalu.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, imej negatif itu tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia akan menjejaskan sektor pelancongan di negara Islam.

"Imej tidak baik akan menyebabkan bukan Islam takut untuk melawat negara Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pelancongan sempena Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2, di sini hari ini.

Persidangan yang dihadiri oleh 80 perwakilan dari 29 negara Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) akan

dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, esok.

Dalam usaha memulihkan imej tersebut, katanya, kerjasama daripada media asing yang beroperasi di dalam dan luar negara Islam juga amat diperlukan.

"Mereka harus diingatkan supaya menyiarkan laporan yang bersifat seimbang dan ikhlas me-



ngenai kejadian yang berlaku di negara Islam," katanya.

Beliau menambah, kejayaan memulihkan imej tersebut bukan bermakna negara Islam tidak akan menghadapi kesan daripada serangan tersebut.

"Kita tetap akan menerima kesan sama seperti negara bukan Islam lain di seluruh dunia yang telah melaporkan bahawa tempahan pelancong telah merosot sebanyak 28 peratus sepanjang empat hari selepas serangan," ujarnya.

Menurut beliau, kemerosotan itu berpunca daripada sikap pelancong yang takut menaiki pesawat kerana bimbang kejadian rampasan kapal terbang akan berulang.

"Negara Islam disaran

mengadakan kerjasama bagi meningkatkan publisiti untuk meyakinkan pelancong bukan Islam bahawa keselamatan mereka adalah terjamin.

"Hubungan kerjasama ini juga secara tidak langsung akan membantu mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama negara Islam," katanya.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, bilangan pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun ini dijangka sebanyak 12 juta orang berbanding 10.2 juta tahun lalu.

"Jumlah pendapatan yang akan diperoleh juga dijangka meningkat kepada RM20 bilion berbanding RM17.3 bilion tahun lalu," jelasnya.

Sehingga Ogos tahun ini, tambahnya, jumlah pelancong terbesar ialah dari negara-negara ASEAN sebanyak 6.7 juta orang, Asia Timur (1.061 juta) dan Asia Barat (94,981).